



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 34/2010 (22 hingga 28 Ogos 2010)

Situasi Demam Denggi bagi tempoh 22 hingga 28 Ogos 2010, menunjukkan peningkatan sebanyak 85 kes atau 8% di mana sejumlah 1,159 kes Demam Denggi dengan 2 kematian dilaporkan minggu lepas berbanding 1,074 kes pada minggu sebelumnya. Sepuluh (10) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas iaitu Kelantan meningkat 57 kes, Johor 34 kes, Sabah 15 kes, P.Pinang dan WP Kuala Lumpur/Putrajaya masing-masing 11 kes, Sarawak 8 kes, Perlis 5 kes, Terengganu 4 kes, manakala Kedah dan N.Sembilan masing-masing meningkat sebanyak 1 kes.

Jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 28 Ogos 2010 ialah sebanyak 32,688 kes iaitu peningkatan kes sebanyak 10% atau 2,988 kes berbanding dengan 29,700 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 51% atau 35 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 103 kematian berbanding 68 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi dilaporkan iaitu dari Melaka dan Sarawak. Berikut adalah maklumat mengenai kes-kes kematian tersebut.

**Kes pertama:** melibatkan seorang surirumah berumur 63 tahun dari Sri Aman, Sarawak. Pesakit yang juga menghidap penyakit *Diabetes Mellitus*, *Hypertension* dan *Schizophrenia* mula mengalami demam, sakit kepala, sakit dada dan ruam pada 19 Ogos 2010 dan 3 hari kemudian, iaitu pada 21 Ogos, beliau telah dimasukkan ke wad di Hospital Sri Aman kerana didiagnosa sebagai Demam Denggi. Pesakit kemudiannya telah dirujuk ke Unit Rawatan Rapi Hospital Umum Sarawak pada 23 Ogos 2010 kerana telah mengalami Demam Denggi Berdarah dan meninggal pada hari yang sama dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Kadar pembiakan Aedes di sekitar kawasan tempat tinggal pesakit sangat tinggi iaitu CI 25%, yang dijumpai di dalam tayar dan tong drum terpakai. Aktiviti kawalan semburan kabus telah dijalankan di kesemua 120 buah rumah di kawasan tersebut dan masyarakat yang prihatin dengan kebersihan telah menjalankan aktiviti gotong royong pada 27 Ogos untuk menghindarkan berlakunya pembiakan Aedes yang boleh membawa penyakit Demam Denggi.

**Kes kedua:** melibatkan seorang anggota polis berumur 42 tahun dari Melaka. Kawasan tempat tinggal pesakit merupakan kawasan wabak yang sehingga kini telah melaporkan sebanyak 6 kes Demam Denggi. Beliau yang juga menghidap *Diabetes Mellitus*, *Hypertension* dan *Hypercholesterolemia*, telah mendapat rawatan selama 2 hari berturut-turut iaitu pada 16 dan 17 Ogos di klinik swasta dan kerajaan kerana mengalami demam yang berterusan. Pesakit yang didiagnosa sebagai Demam Denggi Berdarah telah dimasukkan ke wad di Hospital Melaka pada 17 Ogos. Walau bagaimanapun, pesakit meninggal dunia 5 hari kemudiannya, iaitu pada 22 Ogos dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Hasil pemeriksaan di kawasan tempat tinggal pesakit mendapati kadar pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu AI 3%, di mana

sebuah premis mempunyai pembiakan Aedes yang dijumpai di dalam tayar buruk dan tindakan kompaun telah dikenakan terhadap penghuni premis tersebut. Aktiviti kawalan semburan kabus hanya dapat dilakukan kepada 17 daripada 50 rumah atau dengan liputan 34% kerana kebanyakan rumah bertutup. Pemeriksaan di tempat kerja pesakit juga terdapat pembiakan Aedes yang dijumpai di dalam cawan plastik terbang dan tindakan kompaun telah dikeluarkan.

Sempena cuti persekolahan dan perayaan yang akan bermula pada minggu ke-2 bulan September nanti, orang ramai dijangka akan pulang ke kampung untuk tempoh masa melebihi seminggu. Oleh itu, mereka disaran agar memastikan tiada bekas atau tempat yang berpotensi pembiakan Aedes ditinggalkan di rumah mereka agar jangkitan Demam Denggi dapat dicegah. Jika terdapat takungan air yang besar dan kekal seperti tangki air atau kolah mandi, sila masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate). Bagi mereka yang mengalami demam dapatkan rawatan awal di klinik berhampiran, kerana komplikasi Demam Denggi boleh membahayakan nyawa pesakit. Utamakan kesihatan anda walau di mana pun anda berada. Para pengamal perubatan sama ada di fasiliti kerajaan atau swasta perlu memeriksa dan mendapatkan maklumat dari pesakit dengan teliti agar kes-kes Demam Denggi ini dapat dikesan awal bagi mengelakkan kematian akibat Demam Denggi.

Sejumlah 265 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 21 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 274 kes demam denggi (Lampiran C) dan 90 kes daripadanya adalah kes baru. Sembilan (9) atau 43% daripada lokaliti 21 *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D) dan hanya 8 atau 38% lokaliti *hot spots* dilaporkan menjalankan aktiviti gotong-royong.

Dalam pencegahan penyakit Demam Denggi ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan secara berterusan. Hasil pemantauan yang dijalankan menunjukkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti gotong-royong masih rendah iaitu hanya 1,520 aktiviti gotong-royong atau 16% daripada 9,213 aktiviti yang disasarkan telah dijalankan. Selain itu, sebanyak 2,327 aktiviti ceramah dan 2,901,365 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara sehingga kini. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga turut memasang 30 unit papan tanda di lokaliti *hot spots* terpilih di sekitar Lembah Klang bagi memberi kesedaran berterusan kepada orang ramai.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 22 hingga 28 Ogos 2010, sejumlah 10 kes dilaporkan, peningkatan sebanyak 5 kes berbanding pada minggu sebelumnya. Sepuluh (10) kes yang dilaporkan adalah 8 kes dari Sabah dan 2 kes dari Sarawak. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 751 kes, penurunan sebanyak 76% atau 2,364 kes berbanding dengan 3,115 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

30 Ogos 2010

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 34/2010  
(22 hingga 28 Ogos 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 34/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 34/2009
		Minggu 34 (15 – 21 Ogos 2010)	Minggu 33 (15 – 21 Ogos 2010)		
1	Perlis	10	5	123	160
2	Kedah	26	25	552 (3)	596
3	P. Pinang	50	39 (1)	944 (3)	1,869
4	Perak	63	74	1,568 (5)	2,387 (1)
5	Selangor	223	258 (1)	12,936 (38)	14,674 (44)
6	WPKL & Putrajaya	75	64	3,228 (5)	2,801 (8)
7	N. Sembilan	13	12	1,341 (7)	651 (5)
8	Melaka	84 (1)	98	742 (10)	572 (2)
9	Johor	121	87 (1)	2,650 (8)	1,826 (2)
10	Pahang	32	36	1,018 (1)	638 (2)
11	Terengganu	48	42	670	719
12	Kelantan	257	200 (3)	2,010 (9)	852 (1)
13	Sarawak	102 (1)	94	3,301 (13)	1,229
14	Sabah	55	40	1,589 (1)	704 (3)
15	WP Labuan	0	0	16	22
	<b>Jumlah</b>	<b>1,159 (2)</b>	<b>1,074 (6)</b>	<b>32,688 (103)</b>	<b>29,700 (68)</b>

Nota: ( ) Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 34/2010  
(22 hingga 28 Ogos 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 34/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 34/2009
		Minggu 34 ( 22 – 28 Ogos 2010)	Minggu 33 ( 15 – 21 Ogos 2010)		
1	Perlis	0	0	0	33
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	3	308
4	Perak	0	0	3	401
5	Selangor	0	0	26	414
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	93
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	1	7	151
10	Pahang	0	0	1	70
11	Terengganu	0	0	1	58
12	Kelantan	0	0	2	417
13	Sarawak	2	2	534	350
14	Sabah	8	2	164	5
15	WP Labuan	0	0	8	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>10</b>	<b>5</b>	<b>751</b>	<b>3,115</b>

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 34  
BAGI TAHUN 2010**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	50	130
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Jelok	27	82
3	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Jaya	17	68
4	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	8	46
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin	10	39
6	SELANGOR	MPS	BandarTasik Puteri Fasa 7	8	34
7	SELANGOR	MBSA	Seksyen 17 (Flat 17/1)	7	33
8	SELANGOR	MBPJ	Flat Impian Baiduri Seksyen 51A	6	33
9	SELANGOR	Gombak	Taman Selasih Fasa 1	6	32
10	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	13	66
11	JOHOR	MBJB	Apartment Sri Wangi	6	44
12	JOHOR	MBJB	Kg Dato Sulaiman Menteri	7	44
13	JOHOR	MBJB	Taman Suria	9	38
14	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	13	53
15	SARAWAK	Sibu	Jalan Hua Kiew	15	61
16	SARAWAK	Sibu	Tuong Aik Shipyard,Sg Bidut	11	31
17	WPKL	Klang Lama	Taman OUG Jalan Hujan Emas 8 & 9 Jalan Hujan Gerimis 1&2	11	47
18	WPKL	Setapak	Genting Court Kondo	13	43
19	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	6	30
20	KELANTAN	Kota Bharu	Lorong Merican	22	49
21	KELANTAN	Pasir Mas	Kg Rasal	9	34

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 34  
BAGI TAHUN 2010  
(22 hingga 28 Ogos 2010)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)</b>	<b>Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa</b>
1	JOHOR	MBJB	Kg Dato Sulaiman Meneri	9.9	10
2	JOHOR	MBJB	Taman Suria	4.7	5
3	SARAWAK	Sibu	Jalan Hua Kiew	3.8	8
4	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	2.6	3
5	SARAWAK	Sibu	Tuong Aik Shipyard, Sg Bidut	2.5	2
6	WP KL	Setapak	Genting Court Kondo	2.0	2
7	SELANGOR	MBSA	Seksyen 17 (Flat 17/1)	1.9	2
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Jelok	1.7	2
9	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	1.1	4